

Teks Ucapan YBhg Professor Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon, Naib Canselor UMS sempena Majlis Berbuka Puasa Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bersama Pemimpin-Pemimpin Negeri Sabah; 25 September 2008

---

Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,  
[Terimakasih Pengerusi Majlis]

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Para Pemimpin,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadzrat Allah swt kerana pada bulan Ramadhan al-Mubarak yang mulia ini, kita masih terus diberikan kesempatan untuk menunaikan ibadah Puasa yang dituntut ke atas setiap orang Islam. Majlis pada petang ini kita adakan sebagai suatu usaha mengeratkan hubungan yang sedia terjalin di antara YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, dengan para pemimpin Negeri ini sepertimana ianya biasa kita adakan pada setiap bulan Ramadhan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terimakasih kepada YB Dato' Menteri sendiri yang walaupun mempunyai jadual tugas dan tanggungjawab yang sangat ketat, tetapi beliau masih komited untuk bersama-sama berbuka Puasa dengan sebahagian para pemimpin dari negeri Sabah. Pasti ucapan terimakasih yang tidak terhingga, saya tujukan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Para Pemimpin dari Negeri Sabah dan rakan-rakan lain yang hadir dalam Majlis ini.

Universiti Malaysia Sabah, selaku Institusi Pengajian Tinggi Awam yang berpusat di Sabah dan terletak di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu, "**Kota Indah-Kota Ilmu,**" mengambil inisiatif untuk menjayakan Majlis pada petang yang berbahagia ini. Kita meyakini bahawa melalui pertemuan seumpama ini akan menjelma pelbagai saranan dan respon khususnya daripada pemimpin-pemimpin negeri Sabah dalam sama-sama memastikan UMS, universiti kebanggaan rakyat Malaysia, terus mantap berperanan sebagai wadah memperkasa modal insan, yang kelak menjadi sandaran Negara di masa hadapan.

**Yang Berhormat Dato' Seri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih di atas sokongan dan kerjasama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para pemimpin dari pelbagai lapisan yang terus setia bersama memberi input membina kepada pengurusan universiti selama ini, iaitu sejak UMS ditubuhkan di negeri Sabah pada tahun 1994. Sebagai makluman kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, menjadi Naib Canselor juga bolehlah diibaratkan sama seperti menjadi seorang wakil rakyat. Walaupun bentuk cabaran dan dugaan yang diterima tidaklah sehebat apa yang dihadapi oleh wakil-wakil rakyat, namun jika dilihat kepada jumlah penuntutnya yang mencecah **16000 orang**, ditambah pula bilangan kakitangan UMS yang melebihi angka **1,000 orang**, pastinya ada juga persamaannya dengan pertanggungjawaban seorang wakil rakyat.

Namun demikian dengan sokongan dan kerjasama rakan-rakan pengurusan, pelbagai cabaran dan dugaan dapat dilalui bersama. Disamping itu, sokongan dan galakan malah teguran dari kalangan rakan-rakan di luar universiti, sangat membantu usaha pengurusan Universiti melaksanakan pentadbiran universiti yang telus dan komited ingin melihat institusi milik rakyat ini terus berpasak dengan misi dan visi melahirkan warganegara yang tinggi ilmu dan mulia budi pekertinya.

Pada kesempatan ini saya sekali lagi ingin melahirkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin khususnya, di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya untuk meneruskan kesinambungan kepimpinan cemerlang Naib-Naib Canselor yang terdahulu. Amanah sebagai Naib Canselor, yakni selaku anak tempatan negeri ini, merupakan suatu tanggungjawab yang berat dan perlu dipikul dengan bersungguh-sungguh. **“Yang pipih tidak datang melayang, yang bulat tidak datang bergolek,”** berbekalkan pengalaman sebagai salah seorang peneraju utama UMS sejak mula ditubuhkan pada tahun 1994, saya akan berusaha melakukan yang **terbaik** untuk universiti yang dicintai ini.

***Yang Berhormat Dato' Seri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Para pemimpin dan tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian,***

Mungkin tidak ramai yang menyedari bahawa sesebuah universiti itu, khususnya UMS sebenarnya mempunyai jalinan hubungan yang amat rapat dengan setiap jabatan, agensi, atau mana-mana organisasi di negeri ini. Ini adalah kerana di setiap jabatan, agensi atau organisasi yang terdapat di Sabah, tentunya mempunyai anak, saudara malah isteri atau suami yang telah, sedang dan akan belajar di UMS. Justeru, UMS wajar dilihat sebagai suatu institusi yang perlu diberikan perhatian yang istimewa oleh semua pihak.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengajak para pemimpin sekalian untuk terus menjadi pencetus kepada usaha membentuk masyarakat kita agar sepanjang masa menanamkan budaya cintakan ilmu dan menyemarakkan lagi kempen pembelajaran sepanjang hayat. UMS sentiasa bersedia menjadi wadah menjayakan hasrat ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menzahirkan rasa terimakasih tidak terhingga kepada semua yang hadir di Majlis Berbuka Puasa bersama Menteri Pengajian Tinggi pada petang ini. Mungkin tidak terlalu awal, dan yang penting, tidak juga terlalu lewat, untuk saya mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir Batin kepada sekalian yang hadir.

Sekian, Wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

...jdBPK